



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


22 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,199 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 189,322 kes. Sebanyak 87 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu 24 kes di Sandakan, 14 kes di Tawau, lapan (8) kes di Tuaran, enam (6) kes di Kota Kinabalu, lima (5) kes di Lahad Datu dan Keningau, empat (4) kes di Kota Marudu, tiga (3) kes di Ranau dan Kota Belud. Dua (2) kes kematian dicatatkan di Beaufort, Kinabatangan, Penampang, Beluran, Semporna dan Papar manakala Nabawan, Kalabakan dan Tongod masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,478 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 165,858 orang. Manakala 3,820 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,272 orang di hospital, 2,446 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 95 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala tujuh (7) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 171 orang merangkumi 136 di ICU/repurposed kritikal care serta 35 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 60 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a Sabah mencatatkan trend penurunan hari ini dan merupakan angka terendah sejak 6 Ogos 2021. Hari ini jumlah kes yang direkodkan ialah (1,199) kes dengan penurunan sebanyak (-92) kes berbanding semalam.
- b Secara keseluruhan, perbandingan statistik semalam dengan hari ini menunjukkan perubahan angka jangkitan yang tidak statik dan penurunan angka jangkitan pada hari ini selari dengan bilangan daerah yang merekodkan penurunan kes iaitu dengan statistik (15) daerah mencatatkan penurunan, (11) daerah mencatatkan peningkatan kes, satu (1) daerah iaitu Beaufort, kekal dengan catatan sebagaimana semalam dan satu (1) daerah iaitu Kuala Penyu mencatatkan sifar (0) kes.
- c Kota Kinabalu mencatatkan sedikit peningkatan yang tidak signifikan iaitu dengan catatan (150) kes, merekodkan peningkatan sebanyak cuma (+2) kes. Terdapat enam (6) kes yg melibatkan OKT dan tujuh (7) kes yang melibatkan pekerja-pekerja pelantar minyak offshore dicatat di Daerah Kota Kinabalu. Kawasan perbandaran lain merekodkan peningkatan kecuali Penampang, Kudat, Lahad Datu dan Tawau.
- d Antara daerah lain yang mencatatkan peningkatan ketara ialah Pitas (+30) kes, Telupid (+20) kes, Tongod (+19) kes dan Kinabatangan (+12) kes.
- e Daerah lain yang mencatatkan penurunan ketara pula ialah Penampang (-35) kes, Keningau (-29) kes, Kota Belud (-29) kes, Ranau (-28) kes, Kota Marudu (-26) kes dan Kudat (-14) kes. Terdapat (10) kes melibatkan OKT/banduan yang dicatat hari ini.
- f Daripada (1,199) kes yang didaftar hari ini, (479) kes atau 39.95% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (67) kes atau 5.59% adalah lewat daftar 4 hingga 5 hari dan (12) kes atau 1.00% adalah kes yang berdaftar lewat melebihi 5 hari.

- g Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah hari ini dengan (720) kes atau 60.1%, Saringan Bergejala (367) kes atau 30.6%, sifar (0) kes daripada Saringan Kluster, sifar (0) kes dari Saringan Bersasar dan (112) kes atau 9.3% melalui Saringan Lain-lain.
- h Daripada (1,199) kes yang berdaftar hari ini, (209) kes atau 17.43% adalah pesakit dalam Kategori 1, (951) kes atau 79.32% dalam Kategori 2, Sembilan (9) kes dalam Kategori 3, lapan (8) kes dalam Kategori 4 dan empat (4) kes dalam Kategori 5. 18 kes masih dalam siasatan. 95.58% daripada jumlah keseluruhan pesakit adalah warganegara Malaysia.
- i Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (720) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.0%
2	Bergejala	367	30.6%
3	Kontak	720	60.05%
4	Bersasar	0	0.0%
5	Lain-lain	112	9.34%
JUMLAH		1,199	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (21 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 21/09/2021	Catatan Kes 22/09/2021	Perbandingan
1	Pitas	40	70	+30
2	Telupid	22	42	+20
3	Tongod	19	38	+19
4	Kinabatangan	18	30	+12
5	Tenom	19	26	+7
6	Sandakan	96	102	+6
7	Putatan	57	63	+6
8	Kalabakan	5	8	+3
9	Kota Kinabalu	148	150	+2
10	Tuaran	61	63	+2
11	Papar	62	63	+1
12	Beaufort	14	14	Mendatar
13	Penampang	82	47	-35
14	Keningau	95	66	-29
15	Kota Belud	78	49	-29
16	Ranau	59	31	-28
17	Kota Marudu	80	54	-26
18	Kudat	31	17	-14
19	Tambunan	20	11	-9
20	Lahad Datu	107	100	-7
21	Kuala Penyu	6	0	-6
22	Nabawan	42	37	-5
23	Beluran	40	36	-4
24	Tawau	51	48	-3
25	Semporna	12	10	-2
26	Sipitang	10	8	-2
27	Kunak	17	16	-1
JUMLAH		1,291	1,199	-92

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (08 – 21 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	103	27	0	20	150	3,701
Lahad Datu	0	59	39	0	2	100	1,610
Sandakan	0	42	35	0	25	102	2,254
Pitas	0	63	6	0	1	70	704
Keningau	0	47	16	0	3	66	1,072
Papar	0	24	34	0	5	63	1,293
Tuaran	0	36	24	0	3	63	1,599
Putatan	0	25	38	0	0	63	900
Kota Marudu	0	21	24	0	9	54	1,020
Kota Belud	0	25	20	0	4	49	1,081
Tawau	0	16	22	0	10	48	1,036
Penampang	0	25	18	0	4	47	1,275
Telupid	0	42	0	0	0	42	453
Tongod	0	38	0	0	0	38	294
Nabawan	0	27	5	0	5	37	412
Beluran	0	30	4	0	2	36	627
Ranau	0	18	6	0	7	31	800
Kinabatangan	0	24	5	0	1	30	752
Tenom	0	17	5	0	4	26	404
Kudat	0	11	6	0	0	17	490
Kunak	0	7	9	0	0	16	356
Beaufort	0	8	6	0	0	14	261
Tambunan	0	4	5	0	2	11	231
Semporna	0	2	6	0	2	10	234
Sipitang	0	2	4	0	2	8	102
Kalabakan	0	4	3	0	1	8	247
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	67
JUMLAH	0	720	367	0	112	1,199	23,275

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 7,180 unit

- Hospital 1,876 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,604 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 53.20%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 22 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,181
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	8
Orang Dalam Tahanan /Banduan	10
Jumlah	1,199

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	2
Selangor	3
WP Labuan	3
Jumlah	8

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,146
Bukan Malaysia	53
Jumlah	1,199

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	257
Belum Menerima Vaksin	371
Menerima 1 Dos	68
Lengkap 2 Dos	503
Jumlah	1,199

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	15
1 to 5	109
6 to 11	133
12 to 17	125
18 to 59	707
>60	110
Jumlah	1,199

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 22 September 2021)
1	Ranau	5
2	Kota Kinabalu	3
3	Kota Marudu	3
4	Tawau	2
5	Keningau	2
6	Kudat	2
7	Papar	2
8	Putatan	2
9	Beluran	1
10	Kota Belud	1
11	Lahad Datu	1
12	Telupid	1
JUMLAH		25

D PERATUSAN VAKSINASI SABAH TELAH MENCAPAI 60%

Peratusan populasi Sabah yang telah lengkap divaksin pada 20 September 2021 telah mencapai 59.4%. Bolehlah diandaikan bahawa peratusan vaksinasi populasi dewasa Sabah telahpun mencapai 60% pada 21 September 2021. Peratusan tersebut menunjukkan negeri Sabah berada pada landasan yang baik.

E RAKYAT SABAH YANG BERADA DAN TELAH DIVAKSIN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

- 1 Terdapat ramai rakyat negeri Sabah berada di Semenanjung Malaysia pada masa ini, yang adalah sebahagian daripada statistik penduduk Sabah. Misalnya, sebagai petanda, sebanyak 171,963 bakul makanan telah diagihkan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) Rakyat Sabah yang sedang berada di Semenanjung Malaysia. Ramai daripada rakyat Sabah ini telahpun divaksin di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, peratusan rakyat Sabah yang telah divaksin sebenarnya lebih tinggi daripada yang ditunjukkan oleh data semasa kita.
- 2 Populasi dewasa Sabah (mengikut Jabatan Perangkaan): 2,758,400. Peratusan yang telah divaksin di Sabah: 59.4% setakat 20 September 2021. Rakyat Sabah yang dianggar telah mendapat vaksin di Semenanjung Malaysia: katalah 200,000 orang. Anggaran peratusan sebenar populasi Sabah yang telah divaksin adalah lebih tinggi daripada data rasmi kita.

F PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Rompon, Tambunan	24 September 2021	7 Oktober 2021

G PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Lohan Ulu, Ranau	27 Ogos 2021	Ditamatkan pada 23 September 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Pengalat Kecil, Papar	27 Ogos 2021	Ditamatkan pada 23 September 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Dua (2) lokaliti di Putatan <ul style="list-style-type: none">• Kampung Ulu• Kampung Pasir Putih	10 September 2021	Ditamatkan pada 23 September 2021 seperti yang dijadualkan

H STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 21 September 2021 adalah seramai 49,717 orang. Daripada jumlah ini, seramai 29,809 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 19,908 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 atau Cansino setakat 21 September 2021 adalah seramai 2,103,525 orang. Ini meliputi 1,959,277 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 72.1% jumlah penduduk dewasa, manakala bagi penerima dos lengkap adalah seramai 1,614,771 atau mewakili 59.4% dan seramai 144,248 orang penduduk remaja bersamaan 33.8% jumlah penduduk remaja.

I BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **609,518** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

J LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 80 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 27,740 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 87 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 53 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak 17 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Satu (1) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
 - Empat (4) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - 12 Orang : Gagal Memakai Pelitup Muka

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 125 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 34 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tangkapan dibuat.

- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,049 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.

 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 388 premis perniagaan dan 476 individu di 18 kawasan. Enam (6) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di 7 Eleven Malaysia, Kepayan Ridge (1 Orang), Makanan Campur Kuih Muih, Kepayan Centre (1 Orang), Ivy Tailor, Kepayan Central Plaza (1 Orang), Pasar Besar Kota Kinabalu (2 Orang) dan Gerai Makan Pasar Besar Kota Kinabalu (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 273 Premis Perniagaan melibatkan 134 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 22 premis, melibatkan sembilan 12 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 180 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 317 hebahan di seluruh Sabah.

K KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	97%
2	Beluran	97%
3	Keningau	97%
4	Beaufort	97%
5	Papar	96.5%
6	Kudat	96.5%
7	Kunak	96.5%
8	Tuaran	96.5%
9	Sandakan	96.5%
10	Kota Marudu	96.5%
11	Ranau	96.5%
12	Sipitang	96%
13	Tawau	96%
14	Kota Belud	96%
15	Tenom	96%
16	Kota Kinabalu	96%
17	Penampang	96%
18	Kinabatangan	96%
19	Lahad Datu	96%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**